

Tamu Gadang UMS 21 Nov-2 Dis

DE 18/11/11 6

KOTA KINABALU: Tamu Gadang Universiti Malaysia Sabah akan diadakan bermula jam 8.30 pagi hingga 11.30 malam pada 21 November-2 Disember ini.

Program ini akan diadakan di perkarangan pejabat Alumni dan Hal Ehwal Pelajar sempena Konvokesyen ke-13 UMS .

Sepanjang program 11 hari itu, gerai dan pameran akan diadakan serta aktiviti-aktiviti seperti bola tampar, hoki, bola jaring dan pertandingan lain.

Yang Dipertua Negeri Tun Juhar Mahiruddin bakal merasmikan program itu pada 23 November di Dewan Canseleri.